



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

25 Jan 2021 (Isnin)

Berita Harian

Warga asing tinggalkan gerai sebaik polis datang 1

Utusan Malaysia

Turun kos kembiri atasi kucing terbiar 2

Kosmo

'Tolong doakan Siti Hawa sembuh' 3

Sinar Harian

Aduan dipandang sepi 4
Sungai UIAM dipenuhi lumpur 5
MPS terima aduan kerja tambak tanah sejak tahun 2018 6
Projek korek pasir dapat kelulusan Pejabat Tanah 7
PKPS jual ayam subsidi serendah RM5, RM10 ikut kilogram 8
Agih 40,000 kad sim menjelang Mac 9
Pertimbang semula aktiviti di masjid, surau 10

Berita Harian Online

Warga asing lari tinggalkan lot niaga sebaik sedar kehadiran polis 11

Malaysiakini (English)

Sumbangan ke hospital berkurang: Kali ini kami tumpu golongan lain - NGO 12

Selangor TV

Bas Smart Selangor bawa pesakit Covid-19, permudah kerja PKD 13
Dapur Kinrara agih makanan percuma, buka Ahad 14
DUN Sentosa bantu 100 keluarga mangsa banjir di Pahang 15

Sinar Harian Online

Sungai UIAM dipenuhi lumpur, alam tercemar lagi 16
MARiiKerja sedia peluang pekerjaan 17
Pertimbang operasi masjid, surau operasi seperti biasa 18
PKPS jual ayam serendah RM5, RM10 19
Selangor agih 40,000 kad sim menjelang Mac 20

The Star

SPRING CLEANING 21
MPK offices closed, skeletal team for emergencies only 22
NGOs say no to reopening of battery factory 23
Let's all heed royal decree about strays, people 24

The Sun

MBSA explains 'Do not feed animals' campaign 25
Light at the end of the political tunnel 26

The Malaysian Reserve

Covid-19: Malaysia records highest number of recoveries 27

The Star Online



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



NGOs say no to reopening of battery factory



KERATAN AKHBAR
25 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Warga asing tinggalkan gerai sebaik polis datang
Muka Surat	:	16

Isu Pasar Borong Selangor

Warga asing tinggalkan gerai sebaik polis datang

Sepuluh lot niaga kosong, elak ditahan pihak berkuasa

Oleh Nor Azizah Mokhtar
 bhnews@bh.com.my

Serdang: Sepuluh lot niaga di dalam Pasar Borong Selangor di sini, yang dipercayai dikendalikan warga asing, dikesan ditinggalkan tanpa penjaga selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa, semalam.

Mereka yang mengendalikan perniagaan menjual sayuran, ikan dan daging dipercayai melarikan diri sebaik menyedari pasar borong berkenaan diperiksa sepasukan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang bersama penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Razali Abu Samah, berkata pemeriksaan polis semalam dilakukan susulan aduan orang awam mengenai kebanjiran warga asing di pasar borong itu.

"Sejak akhbar *BH* melaporkan kegiatan perniagaan didalangi warga asing di Pasar Borong Selangor baru-baru ini, kita banyak mendapat aduan daripada masyarakat setempat mengenai perkara ini.

"Justeru kita buat pemeriksaan hari ini (semalam) untuk memantau keadaan itu, selain menjalankan operasi pemantauan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di pasar borong ini," katanya di sini, semalam.

Menerusi operasi bermula jam 2.30 petang, polis menahan enam lelaki warga Myanmar berusia antara 32 tahun hingga 47 tahun yang didapati tidak mempunyai dokumen perjalanan sah, dengan tiga daripadanya bekerja di pasar



Pegawai Polis memeriksa dokumen pembantu warga asing ketika operasi di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan, semalam.
 (Foto Mohamad Shahril Badri Saali)

borong itu.

Selain itu, polis turut menyita sebuah kereta dan tiga motosikal milik warga asing yang diperiksa oleh pasukan trafik dalam operasi berkenaan.

Satu saman turut dikeluarkan oleh MBSJ terhadap seorang peniaga wanita berusia 26 tahun kerana berniaga tanpa lesen.

"Kebanyakan peniaga tempatan yang ditemui hari ini (semalam) mendakwa banyak lot niaga di sini dikendalikan warga asing yang menyewa lesen daripada pemilik tempatan.

"Kita dapati ada lot-lot niaga yang ditinggalkan tanpa penjaga. Kita percaya warga asing yang mengendalikan perniagaan atau bekerja di situ melarikan diri sebaik mengetahui kehadiran polis.

"Kita akan memantau keadaan itu dan akan bekerjasama dengan agensi lain seperti MBSJ, Jabatan Imigresen dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) bagi menangani perkara berkenaan," katanya.

Razali berkata, pihaknya akan terus mengadakan pemantauan

secara berkala, selain mengadakan operasi khas secara bersepadu dengan agensi penguatkuasaan lain bagi menangani isu kebanjiran warga asing di pasar borong itu dalam masa terdekat.

Mengulas lanjut mengenai pemeriksaan dan operasi mematuhi SOP PKP, Razali berkata, semua pelanggan dan peniaga di-

dapati mematuhi SOP yang ditetapkan dan tiada tindakan dikenakan.

Seramai 66 anggota dan 16 pegawai polis dari IPD Serdang bersama 19 anggota dan tiga pegawai penguat kuasa MBSJ terlibat dalam operasi itu yang berakhir pada jam 3.45 petang.

Enam lelaki warga asing yang ditahan dibawa ke Balai Polis Serdang untuk pemeriksaan lanjut sebelum diserahkan kepada Jabatan Imigresen.

Sementara itu, Penolong Pengurus Kanan Pasar Borong Selangor, Mazlan Sahran, berkata isu kebanjiran warga asing di Pasar Borong Selangor semakin serius sejak kerajaan melaksanakan PKP pada Mac tahun lalu dan operasi pemutihan di Pasar Borong Kuala Lumpur di Selangor.

"Lot-lot niaga yang ditinggalkan susulan pemeriksaan polis hari ini (semalam) dikendalikan warga asing terdiri daripada warga Myanmar, Aceh dan Bangladesh. Mereka pada asalnya digajikan penyewa sedia ada sebagai pekerja sebelum mereka ambil alih perniagaan itu," katanya.

Sejak akhbar BH melaporkan kegiatan perniagaan didalangi warga asing di Pasar Borong Selangor baru-baru ini, kita banyak mendapat aduan daripada masyarakat setempat mengenai perkara ini.

Razali Abu Samah,
 Ketua Polis Daerah Serdang



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Turun kos kembiri atasi kucing terbiar
Muka Surat	:	13

Turun kos kembiri atasi kucing terbiar

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dirayu agar dapat mengurangkan kos kembiri haiwan dalam usaha mengatasi kucing terbiar yang banyak dibuang pemilikinya.

Perkara ini disuarakan Presiden Kelab Kucing Malaysia, Khalid Rashid sambil menegaskan, isu itu tidak mungkin timbul jika kos kasi haiwan berkenaan mampu ditanggung orang ramai.

"Saya lihat isunya berpuncu kos pemandulan amat mahal sampai mencecah RM200 dikenakan DVS dan ia luar kemampuan mereka yang miskin," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas luahan dukacita Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin mengenai kes pengabaian kucing ketika ini.

Istana Alam Shah dalam hantaran melalui laman sosial rasmi Facebook Selangor Royal Office semalam menyatakan, baginda berdua juga terkilan ada yang berlaku kejam ke atas haiwan itu.

Menjelas lanjut, Khalid berkata, beliau sendiri sudah bercakap dengan Tengku Permaisuri Norashikin untuk dilancarkan kempen kembiri bagi menangani isu lambakan kucing jalanan.

"Baginda setuju secara peribadi berhasrat mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor contohi cara Turki yang tangkap dan dikasi sebelum dilepaskan balik di taman," katanya.

Khalid menambah, isu peningkatan kucing terbiar berlaku apabila ramai tidak dapat membela setelah hilang kerja atau dipotong gaji susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Mereka juga katanya, terpaksa berbuat demikian kerana tidak mampu membayar caj pemandulan agak tinggi dan terpaksa membuang di jalanan kerana bimbang kucing itu kelak akan membiak banyak anak.

Justeru, beliau menyeru DVS hanya mengenakan kos ubat yang jauh lebih mengamurah di bawah RM20 bagi kawal kelahiran atau mengenakan subsidi khas untuk pelanggan golongan B40.



KERATAN AKHBAR 25 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Tolong doakan Siti Hawa sembuh'
Muka Surat	:	17

Tindakan Faizal mahu jual kereta dapat simpati Raja Muda Selangor, Menteri Agama

'Tolong doakan Siti Hawa sembuh'

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**

KLANG – Seorang suami yang sebelum ini tular selepas mahu menjual kereta Proton Persona miliknya bagi membiayai pembedahan isterinya memohon orang ramai agar mendoakan kesihatan wanita itu yang kini menderita penyakit kanser payu dara.

Menurut Mohd. Faizal Wahid, 40, yang juga Presiden Kelab Penyokong Anak Selangor (ASFC), dia melahirkan rasa terharu apabila kesusahannya mendapat perhatian ramai pihak termasuk daripada Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Katanya, sebelum ini dia memang merancang menjual kereta


kesayangannya itu bagi membiayai kos pembedahan Siti Hawa Alias, 39, yang dijadualkan berlangsung hari ini.

Bagaimanapun, rancangan itu terpaksa dilupakan apabila dia menerima sumbangan terkumpul sebanyak RM22,000.

"Alhamdulillah, wang bagi kos pembedahan telah mencukupi dan saya menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang sudi menghulurkan sumbangan.

"Saya memohon orang ramai mendoakan Siti Hawa agar kembali sembuh," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Kisah sedih Mohd. Faizal tular sejak Khamis lalu selepas mengiklankan penjualan kereta kesayangannya, Proton Persona bagi menampung kos pembedahan Siti Hawa yang menghidap kanser payudara tahap satu.



ZULKIFLI (tengah) melihat Proton Persona milik Mohd. Faizal (kiri) yang ingin dijual bagi menampung kos pembedahan isteri.

Mengimbau kembali, bapa kepada dua anak itu berkata, Siti Hawa disahkan menghidap b-

rah berkenaan sejak Mei tahun lalu. Ujar lelaki itu, sebanyak

RM24,000 daripada wang simpanan dan bantuan ahli keluarga lain telah digunakan bagi rawatan kimoterapi selama enam kali di sebuah hospital swasta di Shah Alam.

"Bagaimanapun, doktor yang merawat isteri meminta agar menjalani pembedahan membuang sel barah pada Khamis lalu dengan kos mencecah RM22,000.

"Saya 'terduduk' mendengar nilai kos itu dan memohon menangguhkan sesi pembedahan bagi mengumpul wang termasuk dengan menjual kereta Proton Persona milik saya itu," jelasnya.

Mengulas mengenai kedatangan Zulkifli kelmarin, Mohd. Faizal memberitahu dia telah dinasihatkan agar tidak menjual kereta tersebut demi kegunaan harian selain menerima sumbangan peribadi bagi menampung kos pembedahan berkenaan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Aduan dipandang sepi
Muka Surat	:	10

Aduan dipandang sepi

ISU penerokaan tanah di Sungai Pusu, Gombak bukanlah perkara baharu.

Malah, isu tersebut pernah cuba dibanteras oleh Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu menyandang jawatan Menteri Besar Selangor sebelum ini.

Namun, sehingga kini isu tersebut masih menghantui penduduk meskipun pemantauan dan penguatkuasaan telah dilakukan oleh MPS serta Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

Masalah seumpama itu yang kerap berulang membuatkan penduduk buntu dan seperti sudah putus asa untuk bersuara apabila bantahan serta aduan mereka dipandang sepi.

Penduduk mendakwa, kegiatan tersebut masih aktif disebabkan aktiviti-aktiviti itu banyak didalangi oleh 'penjaga' yang sudah memasang mata-mata selain menggunakan ugutan untuk menakutkan penduduk yang cuba mengganggu operasi mereka.

Dakwa tersebut diperkuatkan hasil perkongsian pengalaman seorang penduduk yang mengatakan dia pernah diugut selain dipukul ketika cuba membangkitkan isu berkaitan kerja tanah yang mengancam penduduk setempat.

Malah, senario ini menyebabkan penduduk yang ditemui *Sinar Harian* enggan mendedahkan identiti mereka kerana bimbang nyawa diancam.



KERATAN AKHBAR		
25 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sungai UIAM dipenuhi lumpur
Muka Surat	:	10

Sungai UIAM dipenuhi lumpur

Kegiatan penerokaan tanah punca sungai tercemar, cetus banjir kilat dalam kampus universiti

KUALA LUMPUR

Aktiviti penerokaan tanah yang berleluasa di Sungai Pusu menyebabkan sungai yang mengalir di dalam kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak dekat sini tercemar apabila airnya menjadi cetek dan dipenuhi lumpur.

Mendapan lumpur yang dibawa ketika hujan itu juga menyumbang kepada masalah banjir kilat sehingga menenggelamkan kenderaan kakitangan serta pelajar universiti berkenaan.




Pejabat Komunikasi, Advokasi dan Promosi UIAM dalam satu kenyataan berkata, kerja penerokaan tanah itu telah menyebabkan aliran dari Sungai

Pusu dan Sungai Batang Pusu mengalir secara terus ke dalam kawasan kampus dengan membawa lumpur dan kekotoran.


"Disebabkan aktiviti projek berkenaan, UIAM menjadi mangsa dan terpaksa menanggung kesan dan akibatnya.

"Aliran sungai kini dipenuhi dengan lumpur dan akan menjadi bertambah teruk apabila berlaku hujan lebat sehingga boleh mengundang kejadian banjir kilat," menurut kenyataan itu.

Katanya, sebagai langkah pemuliharaan dan proaktif, UIAM telah bertindak melantik kontraktor untuk membersihkan dan mengawal pencemaran sungai daripada terus berlaku di dalam kampus.



Sungai UIAM yang bersih sebelum tercemar turut menerima kehadiran burung flamingo.



Keadaan sungai di UIAM yang dipenuhi mendapan kesan aktiviti penerokaan tanah di Sungai Pusu.



Kerja tanah yang dijalankan di kawasan hilir Sungai Pusu.



Aktiviti pengorekan pasir didakwa menjadi punca sungai di UIAM tercemar.

Korek pasir

Selain itu, kerakusan kerja pengorekan pasir di kawasan yang terletak beberapa meter dari universiti tersebut serta bersebelahan Taman Villa Bestari pula telah menimbusi dan menutupi sebuah tasik terbiar di situ.

Keadaan tersebut telah mencetuskan kebimbangan penduduk mengenai aliran air dari tasik yang terkambus itu berkemungkinan menyebabkan pergerakan air bawah tanah.

Difahamkan, perkara tersebut telah dibangkitkan kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) selain agensi kerajaan berkaitan, namun



SOFIAN

aktiviti tersebut yang bermula sejak lebih dua tahun lalu masih berlarutan sehingga kini.

Pengerusi Surau Al Abqari Taman Villa Bestari, Sofian Shafie menjelaskan, penduduk bukan bersikap antipembangunan namun mahu setiap kerja tanah yang dijalankan mengikut lunas undang-undang.

"Apabila projek semakin dekat dengan rumah penduduk, kami mula bimbang. Malangnya, tidak ada pihak yang tampil memberi penerangan mengenai projek terbabit manakala kawasan perumahan dan longkang penuh selut setiap kali hujan," katanya. Justeru, beliau berharap kerajaan dapat memantau pembangunan dengan memastikan ia selari dengan konsep pembangunan mapan.

"Penduduk telah beberapa kali mengemukakan aduan secara rasmi kepada MPS berhubung pembangunan dan kerja tanah serta aduan berkaitan namun tiada penyelesaian.

"Bila kita buat aduan, operator tapak diarahkan menghentikan kerja, tapi tiada tindakan susulan. Ini menyebabkan projek itu disambung semula beberapa bulan kemudian.

"Kami hanya mahu diberikan penerangan dan jaminan keselamatan kerana apabila berlaku masalah kemudian hari, ada pihak yang akan bertanggungjawab," katanya.

Aduan dipandang sepi

ISU penerokaan tanah di Sungai Pusu, Gombak bukanlah perkara baharu.

Malah, isu tersebut pernah cuba dibanteras oleh Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu menyandang jawatan Menteri Besar Selangor sebelum ini.

Namun, sehingga kini isu tersebut masih menghantui penduduk meskipun pemantauan dan penguatkuasaan telah dilakukan oleh MPS serta Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

Masalah seumpama itu yang kerap berulang membuatkan penduduk buntu dan seperti sudah putus asa untuk bersuara apabila bantahan serta aduan mereka dipandang sepi.

Penduduk mendakwa, kegiatan tersebut masih aktif disebabkan aktiviti-aktiviti itu banyak didalangi oleh 'penjaga' yang sudah memasang mata-mata selain menggunakan ugutan untuk menakutkan penduduk yang cuba mengganggu operasi mereka.

Dakwa tersebut diperkuatkan hasil perkongsian pengalaman seorang penduduk yang mengatakan dia pernah diugut selain dipukul ketika cuba membangkitkan isu berkaitan kerja tanah yang mengancam penduduk setempat.

Malah, skenario ini menyebabkan penduduk yang ditemui *Sinar Harian* enggan mendedahkan identiti mereka kerana bimbang nyawa diancam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 January 2021

Akhtar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MPS terima aduan kerja tambak tanah sejak tahun 2018
Muka Surat	:	11

MPS terima aduan kerja tambak tanah sejak tahun 2018

GOMBAK - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengesahkan ada menerima aduan berhubung kerja penambakan tanah bersebelahan Taman Villa Bestari sejak tahun 2018.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, projek tersebut dijalankan tanpa sebarang kelulusan atau permit daripada mana-mana agensi termasuk MPS.

Menurutnya, tindakan telah diambil sebanyak beberapa kali sejak tahun 2018 lagi termasuk penge-

luaran notis dan rampasan jentera yang kali terakhir dilakukan pada November lalu.

"Tindakan lain termasuk kompaun, korek jalan serta membina halangan di laluan masuk tanah persendirian itu bagi menghentikan aktiviti tersebut.

"Aktiviti tersebut berlaku secara 'on-off'. Apabila ada tindakan maka mereka akan berhenti dan kemudiannya sambung semula.




MOHAMAD ZIN

Kita menerima maklumat, aktiviti tersebut dijalankan semula awal bulan ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Beliau memaklumkan, Yang Dipertua MPS, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor telah ke lokasi terbabit bagi meninjau permasalahan tersebut Khamis lalu.

"MPS akan menyusun semula tindakan penguatkuasaan," katanya.



Penduduk menunjukkan aktiviti penambakan tanah bersebelahan Villa Bestari.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Projek korek pasir dapat kelulusan Pejabat Tanah
Muka Surat	:	11



Keadaan permukaan tanah yang gondol di tapak projek di luar kampus UIAM, Gombak.

Projek korek pasir dapat kelulusan Pejabat Tanah



SHUKRI

GOMBAK - Aktiviti pengorekan pasir di atas tanah dianggarkan seluas 4.6 hektar milik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini mendapat kebenaran daripada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak.

Pegawai Daerah Gombak, Shukri Mohamad Hamin berkata, ia dikendalikan sebuah syarikat milik penuh UIAM susulan banjir besar pada Jun 2014 yang mengakibatkan kawasan kampus universiti terbabit dinaiki air sehingga mengakibatkan banyak kerosakan harta benda.

Beliau berkata, hasil kajian mendapati aliran sungai yang mengalir ke kawasan UIAM tidak mencapai kedalamannya untuk menampung aliran air yang banyak dari kawasan sekitar.

“Selain itu, lokasi UIAM berada di kawasan lembah dan berbukit.

“Sehubungan itu, pihak kami akan berhubung dengan kontraktor itu pada minggu ini untuk menandatangani agar dibuat penyelenggara-



an kedalaman sungai dalam UIAM ini secara berkala bagi mengelakkan kejadian banjir berulang pada masa akan datang,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini.

Beliau bagaimanapun berkata, siasatan di lapangan mendapati tiada projek pengorekan pasir dilakukan di luar kawasan UIAM seperti didakwa penduduk.

“Sebenarnya kontraktor ini beroperasi di luar pagar kampus, tetapi lokasinya masih dalam tanah UIAM.

“Penduduk mungkin kurang faham kedudukan sebenar tanah itu,” kata beliau.

Sementara itu, bagi aktiviti penambakan tanah pula, beliau berkata, kerja tersebut dilakukan di tanah hak milik persendirian iaitu di luar sempadan tanah UIAM.

“Pihak kami akan berhubung dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi memaklumkan perkara tersebut untuk semakan kerja-kerja tanah dan tindakan selanjutnya,” kata Shukri.



KERATAN AKHBAR

25 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PKPS jual ayam subsidi serendah RM5, RM10 ikut kilogram
Muka Surat	:	23

PKPS jual ayam subsidi serendah RM5, RM10 ikut kilogram

BATU CAVES - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengadakan program jualan ayam pada harga subsidi secara berperingkat di seluruh Selangor bermula Ahad.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, program di bawah Ayam PKPS Prihatin itu menawarkan harga serendah RM5 bagi ayam seberat 1.2 kilogram (kg) hingga 1.5kg dan RM10 bagi berat ayam 1.6kg hingga 1.8kg berbanding RM7.80 sekilogram di pasaran.

Menurutnya, jualan diuruskan pusat khidmat dan penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada peringkat permulaan.

"Jualan ayam subsidi ini tidak akan dijual secara terus kepada orang awam sebaliknya melalui pusat khidmat yang akan membuat serahan kepada rakyat sebagai sebahagian barangan dalam bakul makanan.

"Di DUN Sungai Tua, kita tambah ikan dan sayuran. Seramai 1,000 keluarga menerima sumbangan bakul makanan yang akan diagihkan oleh ketua komuniti," katanya ketika meninjau pusat agihan bakul makanan di padang awam Batu Caves di sini pada Ahad.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan (ADUN) Sungai Tua menganggarkan lebih 3,000 ekor ayam diagihkan menerusi program serahan yang turut dilaksanakan di DUN



Amirudin (dua dari kiri) meluangkan masa bertemu penduduk setempat di pusat agihan bakul makanan di padang awam Batu Caves pada Ahad.



Amirudin (kanan) menyerahkan pek bakul makanan kepada seorang ketua komuniti yang akan mengagihkan sumbangan itu kepada penduduk setempat.

Gombak Setia dan Pandan Indah.

"InsyaALLAH, saya percaya di DUN lain juga akan membeli jualan ayam subsidi PKPS ini bergantung kepada peruntukan masing-masing.

"Pada masa sama, kita mahu mengatur untuk PKPS jual kepada orang awam tetapi bergantung pada waktu yang sesuai," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Datuk Abdul Ghariff Ramin berkata, program tersebut merupakan sebahagian inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah PKPS Prihatin dengan jangkauan penjualan ayam 50,000 ekor.

"PKPS giat melaksanakan program ini supaya rakyat Selangor mendapat



Amirudin (dua dari kanan) menyerahkan bakul makanan kepada penduduk orang asli di Ulu Batu, Gombak.

manfaat daripada hasil keluaran PKPS.

"Kita mempunyai ladang ayam ter-

nakan di Kuala Selangor yang mampu mengeluarkan sehingga 550,000 ayam setiap pusingan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Agih 40,000 kad sim menjelang Mac
Muka Surat	:	25

Agih 40,000 kad sim menjelang Mac

Kegunaan pembelajaran,
 perniagaan

Oleh NORAFIZA JAAFAR

BATU CAVES

Kerajaan Selangor akan mengagihkan sebanyak 40,000 kad sim untuk kegunaan pembelajaran dan perniagaan menjelang Mac depan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara tersebut sedang dalam perbincangan mengenai pakej plan dengan syarikat telekomunikasi terlibat sebelum proses agihan.

Menurutnya, ia salah satu inisiatif kerajaan negeri membantu pel-

ajar kurang kemampuan dan luar bandar mendapat akses internet bagi mengikuti kelas secara dalam talian semasa Covid-19.

“Kerajaan negeri mempunyai program rakan digital yang akan diselaraskan dengan pihak daerah.

“Selain itu, kita juga mempunyai program data untuk rakyat Selangor melalui pemberian kad sim untuk kawasan tertentu yang akan dilihat secara keseluruhan,” katanya ketika meninjau pusat agihan bakul makanan di padang awam Batu Caves di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, 60 hingga 70 peratus kawasan di Selangor mencapai akses internet berkapasiti tinggi.



AMIRUDIN SHARI

“Kalau termasuk kategori cooper atau 2G, sudah 90 peratus kawasan sehingga ke Sabak Bernam mencapai tahap itu.

“Sekurang-kurangnya rakyat boleh dapat akses untuk terima teks (mesej), tapi kalau melibatkan video perlukan akses yang lebih tinggi.

“Kerajaan negeri bersama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dan SmartSel akan lihat perkara itu. Sabak Bernam dijangka mencapai tahap liputan penuh menjelang 2022,” katanya.

Sementara itu, pihaknya yakin Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor juga sedang menggerakkan bantuan penyediaan keperluan belajar termasuk gajet kepada pelajar memerlukan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **25 January 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pertimbang semula aktiviti di masjid, surau
Muka Surat	:	25

Pertimbang semula aktiviti di masjid, surau

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor  diharap dapat mempertimbangkan operasi masjid dan surau seperti biasa dengan memperluaskan jumlah kehadiran jemaah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhruzazi Mohd Mokhtar berkata, walaupun kes Covid-19 menunjukkan peningkatan, namun pihaknya yakin setiap jemaah akan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Katanya, pertimbangan itu wajar kerana operasi di pusat beli-belah dan beberapa aktiviti lain masih dibenarkan dalam tempoh PKP.

“Sepatutnya, masjid lebih menjadi tempat tumpuan untuk kita dekat dengan ALLAH SWT supaya lebih banyak rahmat akan turun dan moga wabak Covid-19 ini juga dapat diangkat,” katanya menerusi satu rakaman video yang dimuat naik di Facebook pada Ahad.

Mengulas lanjut, Mohd Fakhruzazi berkata, aspek kekangan petugas juga tidak menjadi masalah kerana setiap masjid atau surau mempunyai jawatankuasa yang boleh membantu bagi memastikan semua pihak mematuhi SOP ditetapkan.

Menurutnya, agensi berkaitan seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) perlu menyediakan SOP yang lebih kemas bagi memastikan masjid dapat beroperasi semula semaksimum mungkin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 January 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Warga asing lari tinggalkan lot niaga sebaik sedar kehadiran polis
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Bas Smart Selangor bawa pesakit Covid-19, permudah kerja PKD
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Dapur Kinrara ajih makanan percuma, buka Ahad
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	DUN Sentosa bantu 100 keluarga mangsa banjir di Pahang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
25 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Sungai UIAM dipenuhi lumpur, alam tercemar lagi
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the Sinar Harian website interface. At the top, there's a navigation bar with the Sinar Harian logo and date 'Isnin 25 Januari 2021'. Below that, there are social media icons for Facebook, Twitter, YouTube, Instagram, and WhatsApp. The main headline reads 'Sungai UIAM dipenuhi lumpur, alam tercemar lagi'. Below the headline, there's a sub-headline 'GAMBAR: BAPORAN KIAMAT Akibat pencemaran tanah yang berkecuali di Sungai Petau menyebarkan lumpur yang mengalir di dalam kawasan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Gombak dekat sini tercemar apabila aliran menjadi coklat dan dibomohi lumpur.' There's a small image showing a river with brown water. Below the article preview, there's a promotional banner for 'Daftar Secara PERCUMA!' (Sign up for free) with icons for various services. At the bottom, there's a 'TERKINI | POPULAR' section with a list of 5 trending topics. The footer contains a newsletter sign-up form, social media links, and contact information.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 January 2021		
Akhtar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	MARi iKerja sedia peluang pekerjaan
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article from Sinar Harian dated 24 January 2021. The main headline is "MARi iKerja sedia peluang pekerjaan". The article features a photograph of a man in a suit and glasses, identified as Datuk Mohd Haniffa. The text discusses the MARi iKerja initiative, which is a platform for job seekers and employers. It mentions that the initiative is part of the Selangor State Government's efforts to create job opportunities and support the private sector. The article also highlights the benefits of the platform, such as providing a wide range of job opportunities and facilitating the recruitment process. At the bottom of the page, there is a section for "Artikel Berkaitan" (Related Articles) and a "Newsletter" subscription form.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 January 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Pertimbang operasi masjid, surau operasi seperti biasa
Muka Surat	:	-

Sinar Harian Online
 24 Januari 2021

Pertimbang operasi masjid, surau operasi seperti biasa

